

Hubungan Kemasyarakatan antara Agama Menurut al-Quran dan Bible

Mirzatul Aqilah Mat Nor^{1*}, Yusri Mohamad Ramli²,

¹Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

²Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

* p98351@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.007>

Received 13 February 2021; Accepted 22 April 2021; Available online 25 June 2021

Abstrak: Prasangka merupakan satu sifat yang perlu dielakkan dalam hubungan kemasyarakatan pelbagai agama. Sesetengah masyarakat berprasangka bahawa golongan yang berpegang kuat dengan agama boleh mengundang bahaya kepada masyarakat agama lain. Namun sebaliknya, golongan beragamalah lebih memahami dan menghormati agama lain serta membahagiakan orang sekitarnya. Prasangka yang wujud akan menyebabkan hubungan kemasyarakatan antara agama semakin terhakis sehingga menyebabkan berlaku permusuhan. Penelitian terhadap kajian lepas dilakukan untuk mengenal pasti hubungan kemasyarakatan antara agama menurut al-Quran dan juga Bible, dan kajian ini turut menganalisis ayat-ayat daripada teks al-Quran dan Bible secara terperinci. Dalam kajian ini digunakan kaedah kajian kualitatif dengan meneliti kajian lepas atau dikenali dengan kaedah pengumpulan data. Data-data dikumpulkan dan dianalisis dengan merujuk kepada sumber-sumber lepas berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama. Hasil bagi kajian lepas dapat menjelaskan bahawa setiap agama mempunyai teks agama tersendiri malah kandungan didalam kitab tersebut turut tercatat hal-hal kemasyarakatan antara sesama agama mahupun berlainan agama. Oleh itu, nilai-nilai murni yang diajarkan oleh setiap agama sekiranya diamalkan akan membentuk individu dan masyarakat yang berkeperibadian mulia serta mewujudkan keharmonian dalam hidup masyarakat.

Kata Kunci: Prasangka, Hubungan kemasyaratan, Teks Agama

Abstract: Prejudice is a trait that should be avoided in multi-religious communities. Some societies are prejudiced that those people who joined a religion quickly can invite danger to other religious communities. But on the other hand, religious groups are being more understanding and respect other religions as well as making people around them happy. The prejudices that exist will cause the social relations between religions to be eroded, leading to hostility. A study of previous studies was conducted to identify the social relationship between religions according to the Qur'an and the Bible, and this study had also analysed verses from the text of the Qur'an and the Bible in details. In this study, a qualitative research method was used by examining previous studies or was known as data collection methods. Data was collected and analysed with reference to the past sources related to interfaith social relations. The results of previous studies explained that each religion has its own religious text and the contents in the book also record about social matters between fellow religions and different religions. Therefore, the noble values taught by each religion should be practised in order to produce individuals and societies with noble personalities and create harmony in the life of all society.

Keywords: Prejudice, Social Relations, Text of Religion

1. Pengenalan

Keharmonian hubungan dalam kalangan masyarakat yang berbilang agama dapat dipupuk melalui sifat hormat menghormati antara satu sama lain walaupun mempunyai perbezaan dari segi latar belakang, budaya, agama dan kepercayaan. Hubungan kemasyarakatan antara penganut agama dengan penganut agama lain merupakan salah satu aspek yang penting dalam sesebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Hal ini kerana hubungan ini akan menjadi benteng yang utuh dalam sesebuah negara bagi menghadapi ancaman samada ancaman dari dalaman ataupun luaran. Pada kebiasaannya kekacauan yang timbul dalam sesebuah masyarakat yang berbeza agama ini adalah kerana mereka tidak mengamalkan dan memahami nilai kemasyarakatan serta tidak menghormati antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, dalam setiap agama tidak terlepas dalam menitik beratkan nilai kemasyarakatan sesama agama dan juga antara agama lain.

Dalam agama-agama yang mempunyai teks agama yang tersendiri ini, telah tercatat didalam setiap kitab agama mereka berkaitan dengan nilai kemasyarakatan antara sesama agama dan juga berlainan agama. Sebagai contoh agama Islam mempunyai teks al-Quran dan Hadith, bagi agama Kristian pula mempunyai teks Bible, bagi agama Hindu pula mempunyai teks Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Atharva Veda dan bagi agama Buddha pula mempunyai teks Tripitaka. Setiap agama mempunyai pemahaman yang tersendiri mengenai hubungan kemasyarakatan antara penganut agama dengan penganut agama lain ini. Hubungan kemasyarakatan antara agama ini tidak kira dimana pun akan ada pasang dan surutnya. Hal ini kerana masing-masing mempunyai kepercayaan dan pendirian tersendiri namun perbezaan yang wujud dalam kalangan masyarakat boleh disatukan dengan nilai-nilai murni yang diajarkan oleh setiap agama ini jika diamalkan akan membentuk individu dan masyarakat yang berkeperibadian mulia. Oleh itu, kajian ini adalah membincangkan hubungan kemasyarakatan antara agama menurut teks al-Quran dan Bible.

2. Kaedah Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi dan sebagainya [1]. Sebarang data dan maklumat yang dikumpulkan melalui beberapa kaedah dan kesemuanya dianalisis secara deskriptif. Proses mengumpulkan maklumat dan data ini dilakukan secara dokumentasi, iaitu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen utama yang berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Antara rujukan utama ialah teks al-Quran dan juga teks Bible terjemahan Bahasa Melayu. Manakala bagi dokumen-dokumen sekunder pula, diperolehi bersumber dari bahan penulisan seperti buku, disertasi, jurnal, kertas kerja, prosiding seminar, pamflet dan seumpamanya.

Selain itu, kaedah analisis data juga dilakukan apabila data-data telah dikumpulkan [1]. Hal ini kerana setiap maklumat yang dikumpulkan perlu dianalisis terlebih dahulu bagi memastikan maklumat yang diperolehi tersebut mempunyai kaitan dengan skop dan tujuan kajian serta dapat membantu menjelaskan hasil kajian yang dilakukan. Setiap maklumat yang diperolehi perlu disaring dan disusun mengikut pembahagian yang telah ditetapkan untuk kajian. Tujuan penyaringan dan penyusunan data adalah bertujuan untuk memudahkan penulis membuat penyelidikan dan rumusan dalam kajian. Dalam analisis data ini juga dilakukan kaedah komparatif, kaedah ini merupakan proses perbandingan data-data yang dikumpulkan dan menghasilkan satu rumusan bersifat praktikal [2]. Kaedah ini digunakan dalam menganalisis perbandingan berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama menurut teks al-Quran dan juga Bible. Data-data yang dikumpulkan dan dianalisis ini bertujuan untuk merungkai persamaan dan perbezaan berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama sebagaimana ditekankan dalam teks agama Islam dan agama Kristian.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam konteks kehidupan manusia, masyarakat bermaksud satu kelompok yang membentuk sebuah sistem interaksi sosial. Setiap manusia pasti memerlukan manusia lain dalam kehidupannya. Kehadiran manusia lain dalam kehidupan, tidak lain adalah untuk saling berinteraksi, tolong menolong, berkasih sayang dan sebagainya. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana dari lahir sehinggalah meninggal dunia manusia saling memerlukan antara satu sama lain dan secara realitinya manusia tidak dapat hidup sendirian. Oleh itu, wujudnya hubungan kemasyarakatan yang dibentuk dalam setiap agama sebagai panduan bagi setiap penganutnya.

Selain itu, maksud masyarakat majmuk pula ialah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, suku, bangsa, agama dan sebagainya yang hidup bersama-sama di sesebuah negara. Menurut Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durkheim, masyarakat ini diibaratkan sebagai satu organisma dan setiap organisma itu mengandungi organ tertentu. Setiap organ ini pula mempunyai peranan yang tersendiri, jika setiap organ ini saling bekerjasama maka sistem dalam organisma akan berjalan lancar. Begitulah diibaratkan dengan masyarakat yang mana semua masyarakat haruslah bekerjasama bagi memastikan keharmonian dalam kehidupan. Berdasarkan situasi ini juga Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durkheim telah memperkenalkan sebuah teori yang dikenali sebagai teori *Fungsionalisme* dan mereka bertiga turut dikenali sebagai ahli *Fungsionalisme* [3]. Berikut adalah hasil penelitian dan pengumpulan maklumat daripada kajian lepas dan juga hasil penelitian daripada kedua-dua teks agama tersebut:

3.1 Hubungan Kemasyarakatan antara Agama menurut teks al-Quran

Bagi agama Islam terdapat banyak ayat al Quran dan hadith Rasulullah yang menyentuh hal berkaitan dengan hubungan ini sama ada sesama agama mahupun berlainan agama. Seterusnya, didalam teks al Quran Allah juga menjelaskan bahawa tujuan Allah menciptakan manusia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum, bangsa dan agama, tidak lain hanyalah untuk manusia saling kenal mengenali dan saling bantu membantu antara satu sama lain. Oleh itu, agama Islam sangat menyarankan penganutnya menjaga dan menjalinkan hubungan persaudaraan dengan semua manusia tanpa mengira latar belakang [4]. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahannya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antaramu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Menurut tafsiran dalam kitab tafsir Ibn Kathir berkaitan dengan surah al Hujurat ayat 13, menjelaskan bahawa manusia diciptakan oleh Allah berasal dari satu jiwa dan dari jiwa ini dijadikan pasangannya yang dikenali sebagai Adam dan Hawa. Selain itu, Allah telah menciptakan manusia daripada tanah dan Allah juga menciptakan manusia terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum. Justeru, Allah melarang manusia menghina antara satu sama lain kerana mereka adalah sama dari aspek kemanusiaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa semua manusia adalah sama namun yang membezakan mereka adalah dari sudut keimanan dan ketakwaannya kepada yang Maha Pencipta sekalian alam. Daripada tafsiran ini jelas menunjukkan Allah sangat menggalakkan manusia menjalinkan hubungan kemasyarakatan khususnya bagi umat Islam [5].

Tambahan pula, Allah tidak sesekali melarang umat Islam untuk berbuat baik, bekerjasama dan berlaku adil terhadap golongan yang berbeza akidah dan tidak memerangi umat Islam serta golongan yang tidak menghalau umat Islam dari negara Islam. Seandainya terdapat golongan yang memerangi umat Islam, golongan tersebut tidak boleh dijadikan saudara malah wajib diperangi [6]. Sebagaimana firman Allah dalam Surah al Muntahanah ayat 8 sehingga 9:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ (٨) إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي
الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (٩)

Terjemahannya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu, serta mereka membantu (orang lain) untuk mengusir

kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Menurut seorang pakar perundangan Islam iaitu Muhammad Abu Zahrah menyatakan bahawa perhubungan masyarakat antara muslim dengan bukan muslim ini tertegak atas dasar kebaikan, kepentingan bersama, penghormatan, bantu membantu antara satu sama lain dan yang paling utama ialah mencegah daripada berlakunya suatu keburukan yang mana boleh memecahbelahkan kehidupan bermasyarakat. Nilai-nilai ditekankan adalah untuk menjamin hubungan dalam kalangan masyarakat terjalin dengan baik tanpa ada sebarang konflik. Oleh itu, kepentingan penghormatan antara manusia amat penting kerana dengan menghormati antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang [7]. Sebagaimana Firman Allah dalam Surah al-A'nam, ayat 108:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِّكُلِّ أُمَّةٍ
عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Terjemahannya: Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan.

Berdasarkan potongan ayat al-Quran tersebut, Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa ayat tersebut diturunkan adalah kerana berkaitan dengan peristiwa tindakan sebahagian umat Islam menghina dan mencerca sembah kaum Musyrikin di Makkah. Penghinaan dan cercaan yang dilakukan telah mengundang kepada serangan balas daripada kaum Musyrikin dengan mengugut Rasulullah dan turut menghina dan mencerca Allah sebagai sembah umat Islam. Kemudian Allah menurunkan ayat berkaitan larangan melakukan penghinaan tersebut dan larangan ini juga adalah untuk membentuk nilai moral umat Islam dalam interaksi sosial dengan masyarakat pelbagai agama. Oleh itu, sebarang bentuk penghinaan dan cercaan terhadap amalan dan doktrin agama lain sangat dilarang dalam agama Islam, hal ini kerana penghinaan dan cercaan yang dilakukan akan mengundang banyak kesan buruk dan tindak balas ekstrem sehingga berlakunya permusuhan antara agama [5].

Kewujudan kepelbagaian agama bukanlah suatu bentuk penguasaan terhadap sesuatu agama lain namun kepelbagaian ini merupakan satu proses untuk memupuk toleransi dan pergaulan antara satu sama lain. Oleh itu, al-Qardawi (1992) mengemukakan empat prinsip asas dalam Islam untuk mewujudkan toleransi yang bersifat praktikal, sebagaimana berikut: [8]

- i. Setiap Muslim harus mengakui dan mengiktiraf asas kemuliaan setiap manusia tanpa membezakan latar belakang agama, bangsa dan warna kulit.
- ii. Setiap Muslim harus menerima perbezaan agama yang wujud adalah sebahagian daripada aturan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah bagi membolehkan manusia untuk membuat pilihan samada menerima sesuatu kepercayaan atau meninggalkan sesuatu kepercayaan berdasarkan kepada kefahaman dan keyakinan masing-masing.
- iii. Setiap Muslim tidak digalakkan untuk bermusuhan dengan golongan bukan Islam disebabkan kekufuran tersebut dan perlu berpegang teguh kepada prinsip kebebasan beragama.
- iv. Setiap Muslim harus berlaku adil dan menunaikan tanggungjawab dan hak sesama manusia walaupun mempunyai perbezaan agama dan budaya, ianya merupakan sebahagian daripada perintah Allah yang wajib dilaksanakan

Bagi mewujudkan masyarakat yang boleh menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud serta bersama-sama ingin mewujudkan keharmonian ini terlebih dahulu perlu memahami dan mempraktikkan prinsip-prinsip sebagaimana yang dibincangkan oleh al-Qadrawi. Bentuk toleransi yang disarankan dalam Islam adalah dengan tidak mengganggu kepercayaan dan pengamalan penganut agama lain walaupun terdapat kepincangan dalam pandangan Islam. Penganut agama lain diberikan kebebasan tanpa sebarang paksaan mahupun kekerasan agar dapat memalingkan mereka daripada kepercayaan tersebut dan melihat keindahan Islam yang sebenar [8].

Agama Islam sangat menekankan konsep keadilan dalam setiap urusan kehidupan, sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebajikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Berdasarkan terjemahan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa pentingnya mengaplikasikan konsep keadilan sesama manusia walaupun berbeza agama dan budaya. Islam juga menolak sebarang bentuk kezaliman sesama manusia terutamanya apabila melibatkan agama. Walau bagaimanapun, pelaksanaan keadilan ini bukanlah bersifat teori semata-mata namun hendaklah dilakukan secara praktikal dan diamalkan. Konsep keadilan ini juga bukanlah sesuatu yang baru namun telah lama diaplikasi sejak zaman Rasulullah dan para sahabat lagi, jelas menunjukkan bahawa konsep ini membawa banyak manfaat untuk sekalian manusia. Kaedah pelaksanaan konsep keadilan ini juga telah lama digunakan sejak zaman Rasulullah dan para sahabat lagi dan boleh dijadikan contoh teladan dalam kehidupan bermasyarakat [9].

Sebagai contoh kisah seorang sahabat Rasulullah SAW, Abd Allah bin Rawahah. Ketika beliau diutuskan ke Khaibar untuk menguruskan urusan perjanjian berkaitan pembahagian hasil penjualan buah-buahan. Kemudian Abd Allah berkata, "Wahai orang Yahudi, kamulah orang yang paling aku benci. Kamu telah membunuh para nabi serta melakukan pendustaan kepada Allah. Namun begitu, kebencianku kepada kamu tidak sedikit pun mendorong aku untuk berlaku zalim kepada kamu. Aku menaksirkan pembahagiannya untuk kamu sebanyak 20, 000 wasaq kurma. Jika kamu bersetuju, ia menjadi hak kamu dan jika kamu membantah, maka ia menjadi hak aku. Lalu kaum Yahudi tersebut berkata, "Dengan keadilan seperti inilah tertegaknya langit dan bumi. Kami menerimanya, maka beredarlah engkau dari tempat kami" [9].

Berdasarkan kisah salah seorang sahabat Rasulullah tersebut, jelas kelihatan bagaimana kejahatan dan kekejaman yang dirancang oleh bangsa Yahudi terhadap masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, Rasulullah telah mengajarkan para sahabat untuk melakukan keadilan dalam setiap urusan dan melarang melakukan sebarang bentuk kezaliman terhadap orang lain. Hal ini kerana rintihan dan pengaduan orang-orang yang dizalimi bukan sahaja didengari oleh makhluk namun juga didengari oleh Allah, Tuhan yang mencipta sekalian makhluk. Konsep keadilan ini telah meresap dan sebatikan dalam jiwa para sahabat sehingga mereka tetap mengaplikasikan konsep ini walaupun Rasulullah telah wafat [10].

Menurut Yusof al Qardawi, konsep kebajikan dalam Islam ialah dengan mempamerkan sikap kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan orang bukan Islam, memberikan bantuan

kepada fakir miskin, menghulurkan makanan, minuman dan pakaian kepada golongan yang susah, bergaul dengan mereka secara berakhlak dan beradab, mendoakan mereka agar diberikan petunjuk dan hidayah, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang bentuk ancaman dan juga membantu dan melindungi mereka daripada unsur kezaliman [8].

3.2 Hubungan Kemasyarakatan antara Agama Menurut teks Bible

Menurut Darell Jodock, penganut agama Kristian haruslah mempraktikkan keramahan dalam hubungan antara agama. Hal ini kerana prinsip keramahan merupakan prinsip Bible menyatakan bahawa setiap manusia diciptakan dengan imej Tuhan. Imej Tuhan bermaksud setiap manusia layak untuk dihormati dan setiap manusia perlu hormat menghormati antara satu sama lain walaupun berbeza agama. Di samping itu, seseorang merasai keramahan Tuhan mereka akan terpanggil untuk melakukan keramahannya terhadap manusia lain kerana mereka dapat merasai indahnya sebuah keramahan dan tenangnya bila melakukan segala perintah Tuhannya [11]. Manakala dalam penulisan Khadijah Mohd Hambali bertajuk Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraian Awal, menyatakan bahawa melalui konsep *Salvation* (keselamatan) dalam Kristian turut menekankan kepada setiap individu agar menampilkan imej Tuhan dalam kehidupan seharian dengan membuat kebaikan terhadap masyarakat lain. Hal ini sangat dituntut kerana mencerminkan imej Tuhan yang penyayang, suci dan kudus [12].

Dalam beberapa petikan ayat dalam Bible juga mengajak penganutnya untuk berfikir berkaitan dengan pemahaman dan pandangan terhadap penganut bagi agama lain. Golongan Samaritan banyak menjadi contoh teladan dan merupakan dari golongan yang baik walaupun bukan berasal daripada agama Kristian sebagaimana petikan teks Bible bahagian Lukas 10 (ayat 25-37) yang menyatakan bahawa perbezaan agama tidak akan menghalang seseorang untuk melakukan kebaikan. Petikan ayat tersebut menceritakan tentang perumpamaan orang Samaritan yang murah hati atau dikenali "*The Good Samaritan*". Kisah ini diangkat tinggi kerana kandungannya mengandungi nilai murni dan nilai tersebut haruslah dicontohi oleh semua agama khususnya agama Kristian [12]. Petikan teks dalam Bible terjemahan bahawa melayu adalah seperti berikut [13]:

Lukas 10 (ayat 25-37)

Kemudian seorang guru taurat datang untuk memerangkap Yesus. Dia bertanya, "Guru apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?" Yesus menjawab, "Apakah yang tertulis di dalam al-Kitab? Bagaimana tafsiranmu?" Orang itu, menjawab "Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu dengan seluruh akalmu dan Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri" Yesus berkata kepadanya, "Jawabmu itu benar. Berbuatlah demikian dan kamu akan mendapat hidup yang sejati dan kekal". Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, "Siapakah sesama saya?" Yesus menjawab, Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan. Kebetulan pada masa itu seorang imam lalu disitu. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Demikian juga seorang Dewi lalu disitu. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Tetapi seorang Samaria yang sedang lalu disitu, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. Maka dia mendekatinya lalu membersihkan luka-lukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu, dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu ke atas haiwan

tanggungannya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia disitu. Keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, “Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali kesini”. Lalu Yesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, “Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang di rompak itu”. Guru Taurat itu menjawab, “Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya”. Yesus berkata pula, “Pergilah dan berbuatlah demikian!

Disamping itu, agama Kristian juga mengandungi nilai dan etika untuk dijadikan panduan dalam menjaga hubungan kemasyarakatan antara agama ini. Menurut pemahaman agama Kristian, apabila berbicara mengenai hubungan dengan masyarakat luar daripada komuniti, mereka mengistilahkan sebuah misi (dakwah). Misi ini ialah sebuah tindakan yang dilakukan secara bertujuan atau dalam erti lain untuk menyampaikan ajaran agama yang dianuti kepada komuniti agama lain namun tidaklah terlalu memaksa. Bagi mereka melalui hubungan kemasyarakatan antara agama dapat memberikan pendedahan kepada orang lain berkaitan dengan fahaman yang mereka amalkan malah mereka juga dapat didedahkan dengan fahaman komuniti agama lain. Dari pemahaman dan pendedahan yang diterima hasil perhubungan positif ini, sedikit sebanyak memupuk sifat hormat menghormati antara satu sama lain. Pendedahan berkaitan dengan agama lain dapat membuka mata komuniti Kristian untuk melihat apakah persamaan yang terdapat dan setiap agama dan juga apakah yang membezakan agama mereka dengan ajaran yang ada dalam agama lain. Dari aspek ini mereka dan komuniti lain dapat membina hubungan yang baik dan saling menghargai antara satu sama lain tanpa membezakan atau menindas antara komuniti lain [14].

Sumber utama bagi agama Kristian adalah kitab suci Bible, mengandungi “*Old Testament*” dan “*New Testament*”. Kedua-dua lembaran Bible ini mengandungi nilai dan etika berkaitan dengan kehidupan manusia. Nilai dan etika ini dikenali sebagai *The Ten Commandments* dalam *Old Testament* manakala dalam *New Testament* dikenali sebagai akhlak kehidupan seharian. Oleh itu, ringkasannya dapat diklasifikasikan *The Ten Commandments* didalam lembaran *Old Testament* merupakan sepuluh nilai moral yang harus diamalkan serta dihayati oleh penganut Kristian sebagaimana berikut [15]:

- i. Mempercayai konsep Trinity (Konsep anak Tuhan (Son of God), Bapa Tuhan (Father of God) dan Ruhul Qudus (The Holy)
- ii. Tidak menyembah patung atau berhala yang menyerupai objek dilangit dan dibumi
- iii. Tidak menyebut nama Tuhan secara sebarangan
- iv. Tetaplah ingat dan mensucikan hari Sabath
- v. Menghormati ayah dan ibu
- vi. Jangan membunuh
- vii. Jangan berzina dan melakukan maksiat
- viii. Jangan mencuri
- ix. Jangan berdusta
- x. Jaga hak jiran dan Hak orang lain.

Manakala akhlak kehidupan seharian yang terkandung dalam lembaran *New Testament* pula adalah seperti berikut [15]:

- i. Mengutamakan etika
- ii. Jesus sebagai teladan
- iii. Mencari keredaan Tuhan
- iv. Menjelaskan kebenaran
- v. Bersifat lemah lembut dan rendah diri
- vi. Menjauhi 7 perkara haram iaitu keseombongan, pembohongan, pembunuhan, komplot, kejahatan, berlumba melakukan kesalahan, menjadi saksi palsu dan pencetus kepada pertikaian.
- vii. Jangan menipu
- viii. Jangan menghina orang lain
- ix. Jangan tamak
- x. Mencintai orang lain seperti diri sendiri
- xi. Mencintai jiran

Selain itu, terdapat beberapa lagi petikan teks Bible yang membincangkan hal berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan antara agama ini, antaranya ialah [13]:

Markus 12 (ayat 29-31)

Jawab Yesus: “Hukum yang terutama ialah: Dengarlah, hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa. Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu. Dan hukum yang kedua ialah: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri. Tidak ada hukum lain yang lebih utama dari pada kedua hukum ini.”

Imamat 19 (ayat 33-34)

Jangan tinds orang asing yang tinggal di negeri kamu. Perlakukanlah mereka seperti kamu memperlakukan orang kamu sendiri, dan kasihilah mereka seperti kamu mengasihi diri kamu sendiri. Ingatlah bahawa kamu pun pernah hidup sebagai orang asing di negeri Mesir. Akulah Tuhan, Allah kamu.

Roma, 12 (16-21):

Hendaklah kamu semua hidup rukun. Janganlah bersifat sombong, janganlah tolak tugas yang dipandang rendah. Jangan anggap diri kamu lebih bijak daripada sebenarnya. Jika seorang berbuat jahat terhadap kamu, janganlah balas dia dengan kejahatan. Berusahalah untuk melakukan apa yang dianggap baik oleh semua orang. Dengan sedaya upaya, berusahalah untuk hidup damai dengan semua orang. Saudara-saudaraku! Jangan sesekali balas dendam, biarlah Allah yang membalas dendam, didalam al-Kitab tertulis “Aku akan membalas kejahatan mereka, Aku akan menghukum mereka, firman Tuhan,” Janganlah balas dendam, tetapi lakukanlah apa yang ditulis di dalam al-Kitab. “Jika musuhmu lapar, berilah dia makan, jika dia dahaga maka berilah dia minuman kerana dengan berbuat demikian kamu akan membuatnya malu. Jangan biarkan diri kamu dikalahkan oleh kejahatan, tetapi kalahkanlah kejahatan dengan kebaikan.

Berdasarkan petikan ayat daripada Markus 12 (ayat 29-31) dapatlah difahami bahawa dalam agama Kristian memerintahkan supaya para ahlinya mengikuti apa yang terkandung dalam kitab termasuklah tuntutan untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi sesama manusia. Kedua-duanya merupakan hukum daripada Yesus untuk diikuti oleh para ahlinya. Seterusnya bagi petikan ayat daripada Imamat 19 (ayat 33-34) dan Roma 12(ayat 16-21) dapat dirumuskan bahawa mereka dilarang melakukan penindasan terhadap masyarakat lain. Mereka disarankan menghormati masyarakat lain sebagai mana mereka menghormati masyarakat mereka sendiri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa agama Kristian juga mengutamakan etika dan nilai kemasyarakatan sesama manusia. Bagi agama Kristian, hubungan kemasyarakatan yang terjalin antara manusia adalah sebagai penghargaan sesama manusia dan juga menyedari bahawa mereka ini sama iaitu makhluk ciptaan Tuhan.

Beberapa petikan yang diambil daripada kitab Bible, menunjukkan bahawa adanya tuntutan untuk menjalinkan hubungan kemasyarakatan antara agama namun terdapat juga sesetengah kelompok yang anti terhadap agama lain sehinggakan timbulnya bibit-bibit permusuhan antara agama. Bagi yang betul-betul mengamalkan ajaran agama Kristian mereka akan berpegang teguh dengan apa yang diajarkan namun bagi yang anti teks atau mempunyai fahaman yang tersendiri mereka tidak mengendahkan apa yang diajarkan oleh agama. Berdasarkan petikan dari teks Bible jelas menunjukkan bahawa agama Kristian juga mengutamakan etika dan nilai kemasyarakatan sesama manusia. Bagi agama Kristian, hubungan kemasyarakatan yang terjalin antara manusia adalah sebagai penghargaan sesama manusia dan juga menyedari bahawa mereka ini sama iaitu makhluk ciptaan Allah. Dalam petikan ayat dari teks ini jelas menyatakan bahawa perlunya melakukan kebaikan walaupun seseorang itu adalah musuh baginya dan dilarang membalas dendam. Jika penganut agamanya mengikuti segala yang tertulis dalam teks Bible ini akan mewujudkan keharmonian dalam hubungan beragama [16].

3.3 Analisis Hubungan Kemasyarakatan antara Agama Menurut Agama Islam dan Agama Kristian

Berdasarkan hasil kajian daripada hubungan kemasyarakatan antara agama menurut teks al-quran dan teks Bible dapat dirumuskan dengan lebih terperinci bahawa kedua-dua teks agama menekankan dan menyarankan untuk mengadakan hubungan kemasyarakatan antara agama. Terdapat juga beberapa kandungan dalam teks al-Quran dan teks Bible mempunyai persamaan dari segi subtemanya yang mana telah diklasifikasikan subtemanya. Klasifikasi subtema yang pertama ialah berkaitan dengan hormat menghormati antara satu sama lain, hal ini dibincangkan dalam teks kedua-dua agama. Dalam al-Quran sifat hormat-menghormati dinyatakan dalam Surah al-A'nam, ayat 108 manakala dalam teks bible pula ialah dalam Roma 12 (ayat 16-21). Kedua-dua ayat ini walaupun berbeza sumber namun mempunyai kandungan yang sama iaitu saranan menghormati masyarakat lain walaupun berbeza latar belakang. Dalam kehidupan bermasyarakat yang berlainan latar belakang agama dan budaya, pembentukan persefahaman amat penting dan menjadi asas dalam menghasilkan hubungan harmoni dan bertoleransi. Sifat saling menghormati antara satu sama lain sekiranya dapat dibentuk dalam jiwa setiap individu akan menghasilkan sebuah masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan persefahaman ini sangat memerlukan kepada komitmen dan kerjasama daripada semua pihak [17]. Kedua-dua adalah perintah yang dituntut dalam agama masing-masing.

Surah al-An`am, ayat 108:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Terjemahannya: Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan.

Roma 12 (16-21):

Hendaklah kamu semua hidup rukun. Janganlah bersifat sombong, janganlah tolak tugas yang dipandang rendah. Jangan anggap diri kamu lebih bijak daripada sebenarnya. Jika seorang berbuat jahat terhadap kamu, janganlah balas dia dengan kejahatan. Berusahalah untuk melakukan apa yang dianggap baik oleh semua orang. Dengan sedaya upaya, berusahalah untuk hidup damai dengan semua orang. Saudara-saudaraku! Jangan sesekali balas dendam, biarlah Allah yang membalas dendam, didalam al Kitab tertulis “Aku akan membalas kejahatan mereka, Aku akan menghukum mereka, firman Tuhan,” Janganlah balas dendam, tetapi lakukanlah apa yang ditulis di dalam al Kitab. “Jika musuhmu lapar, berilah dia makan, jika dia dahaga maka berilah dia minuman kerana dengan berbuat demikian kamu akan membuatnya malu. Jangan biarkan diri kamu dikalahkan oleh kejahatan, tetapi kalahkanlah kejahatan dengan kebaikan.

Subtema yang kedua ialah saling kenal mengenali dan bantu membantu antara satu sama lain, hal ini dibincangkan dalam surah Al Hujurat ayat 13 dan Lukas 10 (ayat 25-37). Sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian terdahulu kedua ayat yang dipetik ini merupakan ayat yang sering dikaitkan sekiranya melibatkan hubungan kemasyarakatan antara agama. Kedua ayat tersebut mengandungi nilai yang dapat dijadikan contoh teladan dan dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni antara agama tanpa sebarang persengketaan. Dengan saling kenal mengenali dan bantu membantu ia bukan sahaja dapat menambahkan kenalan malah dapat mengembangkan dan memajukan lagi kehidupan sesebuah masyarakat.

Surah Al Hujurat ayat 13

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahannya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antaramu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Lukas 10 (ayat 25-37)

Kemudian seorang guru taurat datang untuk memerangkap Yesus. Dia bertanya, “Guru apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?” Yesus

menjawab, “Apakah yang tertulis di dalam al-Kitab? Bagaimana tafsiranmu?” Orang itu, menjawab, “Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu dengan seluruh akalmu dan Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri”. Yesus berkata kepadanya, “Jawabmu itu benar. Berbuatlah demikian dan kamu akan mendapat hidup yang sejati dan kekal”. Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, “Siapakah sesama saya?” Yesus menjawab, Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan. Kebetulan pada masa itu seorang imam lalu disitu. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Demikian juga seorang Dewa lalu disitu. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Tetapi seorang Samaria yang sedang lalu disitu, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. Maka dia mendekatinya lalu membersihkan luka-lukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu, dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu ke atas haiwan tunggangannya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia disitu. Keesokan harinya orang samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, “Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali kesini”. Lalu Yesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, “Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang di rompak itu”. Guru Taurat itu menjawab, “Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya”. Yesus berkata pula, “Pergilah dan berbuatlah demikian!

Subtema seterusnya ialah berkaitan dengan kebajikan yang turut dinyatakan dalam surah al Muntahanah ayat 8 sehingga 9 dan Markus 12 (ayat 29-31) serta Imamat 19 (ayat 33-34). Kebajikan sosial antara sesama manusia sangatlah dituntut walaupun berbeza dari segi agama dan budaya. Hubungan kemasyarakatan umat Islam dan masyarakat agama lain bukan untuk keharmonian dan kedamaian semata-mata, namun turut melibatkan hal-hal kebajikan sosial terhadap mereka [17]. Menurut Yusof al Qardawi, konsep kebajikan dalam Islam ialah dengan mempamerkan sikap kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan orang bukan Islam, memberikan bantuan kepada fakir miskin, menghulurkan makanan, minuman dan pakaian kepada golongan yang susah, bergaul dengan mereka secara berakhlak dan beradab, mendoakan mereka agar diberikan petunjuk dan hidayah, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang bentuk ancaman dan juga membantu dan melindungi mereka daripada unsur kezaliman [8]. Sebagaimana firman Allah:

Surah al Muntahanah ayat 8 sehingga 9

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ (٨ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي
الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (٩)

Terjemahannya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu, serta mereka membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Manakala dalam petikan ayat Bible jelas menunjukkan bahawa Yesus tidak inginkan penganutnya mencetuskan permusuhan dalam kehidupan masyarakat berbeza agama ini. Walaupun masyarakat lain cuba mencetuskan permusuhan dan kebencian namun Yesus melarang umatnya untuk membalas dengan perkara yang sama namun menganjurkan penganutnya untuk membalas dengan kebaikan dan kasih sayang. Justeru nilai moral yang di tunjukkan oleh penganutnya akan mencerminkan sisi-sisi baik sesebuah ajaran agama untuk dicontohi [16].

Markus 12(ayat 29-31)

Jawab Yesus: “Hukum yang terutama ialah: Dengarlah, hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa. Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu. Dan hukum yang kedua ialah: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri. Tidak ada hukum lain yang lebih utama dari pada kedua hukum ini”.

Imamat 19 (ayat 33-34)

Jangan tinds orang asing yang tinggal di negeri kamu. Perlakukanlah mereka seperti kamu memperlakukan orang kamu sendiri, dan kasihilah mereka seperti kamu mengasihi diri kamu sendiri. Ingatlah bahawa kamu pun pernah hidup sebagai orang asing di negeri Mesir. Akulah Tuhan, Allah kamu.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa dalam kehidupan, manusia memerlukan agama untuk membentuk nilai dan etika dalam diri seseorang dan juga sesebuah komuniti. Pegangan teguh terhadap agama dapat membentuk keperibadian mulia sesorang individu. Hal ini disahkan juga oleh Verkuyten dan Yildiz dengan menyatakan agama memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sosial individu [18]. Manakala dari segi perspektif sosiofungsi, agama mengikat penganut untuk bersama-sama dengan masyarakat moral [19].

4. Kesimpulan

Setiap manusia diciptakan dan dianugerahkan akal dan naluri untuk menguruskan alam dan kehidupan mereka agar dapat memberi manfaat kepada seluruh isinya. Namun, walaupun dikurniakan akal, manusia tetap memerlukan agama untuk dijadikan landasan dalam kehidupan didunia dan selepasnya. Hal ini jelas menunjukkan sekiranya manusia menolak kehidupan beragama mereka juga tetap akan berpegang kepada agama budaya yang diasaskan individu tertentu. Justeru, keinginan manusia untuk menjalani kehidupan yang harmoni dan bencikan permusuhan merupakan asas kepada nilai-nilai moral yang dipupuk dalam agama-agama. Kehidupan bermasyarakat menjadi satu tuntutan naluri dan keperluan manusia, tidak ada seorangpun boleh menjalani kehidupan tanpa orang lain dalam kehidupannya. Kehidupan bermasyarakat ialah kehidupan bersama jiran tetangga, berorganisasi, bersaudara dan berkasih sayang, tolong menolong, hormat menghormati dan seumpamanya.

Berdasarkan perbincangan konsep asas hubungan kemasyarakatan antara agama menurut kedua-dua agama dapat dilihat bahawasanya kedua agama menerima hubungan antara agama dengan baik sebagaimana yang terkandung dalam kitab agama masing-masing. Konsep asas yang terkandung dalam kitab-kitab agama tersebut sedikit sebanyak dapat membuka mata dan minda para penganut serta dapat dijadikan ikutan dalam masyarakat agar dapat membentuk kehidupan yang harmoni tanpa sebarang ancaman dan permusuhan. Oleh itu, kefahaman yang jitu dalam agama amat penting agar seseorang itu tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang mana bukan sahaja boleh merosakkan hubungan antara agama malah akan merosakkan nama baik sesebuah agama. Walau bagaimanapun, dalam menjalani hubungan kemasyarakatan ini tidak dapat lari daripada berlakunya konflik namun dapat diatasi sekiranya kedua-dua belah pihak mengambil inisiatif atau melakukan perundingan yang baik agar dapat menyelesaikan segala bentuk konflik. Apa yang penting dalam hubungan kemasyarakatan antara agama ini adalah saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, keganasan bukan suatu pilihan dalam mengurus kepelbagaian dalam masyarakat.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Munawar dan Nor Shahrizan (2019). *Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [2] Charles C Ragin (1989). *The Comparative Method: Moving Beyond Qualitative and Quantitative Strategies*. London: University of California Press.
- [3] Zakiah Jamaluddin (2001). *Dimensi-Dimensi Pembangunan Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- [4] Ahmad Farhan (2014). *Keajaiban Silaturahmi*. Kuala Lumpur: Al Mihrab Publications.
- [5] Muhammad Nasib (2000). *Ringkasan Tafsir Ibn Kathir (Jilid 4)*. Jakarta: Gema Insani.
- [6] Hamidah (2015). *Al Ukhuwah al Ijtima'iyah wa al Insaniyyah: Kajian Terhadap Pluralisme Agama dan Kerjasama Manusia*. Indonesia: Intizar, Vol 21, No.2.
- [7] Muhammad Abu Zahrah (1987). *Penyusunan Masyarakat dalam Islam*. terj Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- [8] Yūsuf al-Qarḍāwī (1992). *Ghayr al-Muslimīn fi al-Mujtama' al-Islāmi*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- [9] al-Sirjānī, Rāghib (2010), *Fann al-Ta'āmul al-Nabawī ma'a Ghayr al-Muslimīn*. Qahirah: Dār Aqlam.
- [10] Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Fayyūmi (1987). *Miṣbāh al-Munīr*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- [11] Darell Jodock (2016). *A Christian View of Inter-religious Relations: A Modified Excerpt from Engaging Others, Knowing Ourselves*. Colledgeville Institute.
- [12] Khadijah binti Mohd Khambali Hambali (1999). *Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraian Awal*. *Jurnal Fikrah*, jil. 2, Unit Pendidikan Islam: UiTM.
- [13] *al Kitab Berita Baik*, Selangor: The Bible Society of Malaysia
- [14] Canon Guy Wilkinson (t.t). *Living with others faiths: A Presence and Engagement Resource*. Contextual Theology Centre.
- [15] Ahmad Bashir Aziz (2004). *Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- [16] Hayatin Nufus (2004). *Persaudaraan Keagamaan dalam Katolik dan Islam*. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah.

- [17] Khairul Azhar Ahmad Faqih dan Muhammad Hilmi (2018). Prinsip Asas Interaksi Inter-Agama di Malaysia Menurut Perspektif Islam. Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Melaka.
- [18] Verkuyten, M & Yildiz, A.A (2007). National (Dis) Identification, And Ethic and Religious Identity: A Study Among Turkish-Dutch Muslims. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 33, 1448-1462. doi: 10.1177/0146167207304276.
- [19] Graham dan Haidt (2010). Beyond Beliefs: Religions Bind Individuals into Moral Communities. *Personality and Social Psychology Review*, 14,140-150, doi:10.1177/1088868309353415.